



**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	CIRCULAR ECONOMY BOOST TO SOLID WASTE MANAGEMENT
	SUMBER	THE SUN (5 AUGUST 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NATIONAL)

Circular **economy boost** to solid waste management

➤ Initiatives outlined in blueprint can benefit Malaysians, potentially expand service sector by creating job opportunities and additional income, says minister

KUALA LUMPUR: The Housing and Local Government Ministry yesterday launched the Circular Economy Blueprint for Solid Waste in Malaysia (2025-2035), which provides direction for stakeholders in institutionalising necessary transformation to advance development of the circular economy.

Minister Nga Kor Ming said the blueprint will help accelerate the transition to a circular economy in solid waste management via five pillars - governance and legislation, guidelines and procedures, digitisation and technology, infrastructure and facilities, and market creation.

"The government will carry out comprehensive engagement and the drafting of specific legislation related to the circular economy that includes the implementation of 'Extended Producer Responsibility,' which is an important catalyst of circular economy for sustainable solid waste management.

"The blueprint also aims to introduce a 'Zero Waste to Landfill Certification' in solid waste management, which recognises manufacturers managing to enhance their resource efficiency and minimise waste generation, that can also be used as a measure to determine the producer's eligibility for incentives related to circular economy," he said in his keynote address at the launching ceremony yesterday.

Also launched simultaneously was the "Circular Economy Conference 2024: Building a Sustainable Future", which convened 400 stakeholders from government agencies, industry leaders, NGOs and academics to share their knowledge, perspectives and experiences on advancing the circular economy, with a focus on the solid waste sector, Bernama reported.

Nga said in addition, the solid waste management industry has been proposed to

establish a National Circular Economy Association (NCEA) to serve as a platform to coordinate, plan and drive circular economy initiatives more comprehensively in Malaysia.

He added that if established, the NCEA will work closely with the Circular Economy Council for Solid Waste at the national level and play a vital role in advancing the country's recycling industry and solid waste-based industries.

"Malaysians are also expected to benefit from the circular economy initiatives outlined in the blueprint, which can potentially expand the service sector, thereby creating job opportunities and additional income," he said.

When met by reporters after the event, Nga said the government aims to reach the national recycling rate of 40% by 2025.

He said the ministry will be arranging a meeting with major retailers in the country, including 7-11, 99 Speedmart and Mynews.com to discuss the matter.

"I'm confident that there will be good news (from the meeting). We'll make an announcement when it's done," he said.

According to Nga, the national recycling rate has more than doubled, reaching 35.38% last year compared with 15.7% in 2015.

2.	TAJUK	JEWEL OF MARINE BIODIVERSITY FOR DIVERS
	SUMBER	THE STAR (8 AUGUST 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	6 (NATIONAL)

Jewel of marine biodiversity for divers

► 'Famous Four' shipwreck sites popular among tourists

LABUAN, with its rich history, economic significance and thriving maritime industry, is poised to become a top destination for marine tourism.

Its pristine coral reefs, abundant marine life and fascinating shipwrecks offer a unique experience for divers and nature enthusiasts.

Former Tourism Malaysia DIVE ambassador Clement Lee recently highlighted the extraordinary marine biodiversity and vibrant coral ecosystems in its waters.

He said the natural beauty and ecological integrity has been preserved to make it ideal for those seeking an authentic and unspoiled diving experience, adding that the allure of Labuan's historic shipwrecks, known as the "Famous Four," attracts divers worldwide.

The iconic dive sites are the Australian Wreck, American Wreck, Cement Wreck and the Blue Water Wreck, each offering a unique glimpse into the past and fascinating underwater landscapes.

The Australian Wreck, also known as the *SS De Klerk*, was a Dutch cargo ship commandeered by the Japanese during World War II, that was sunk by a mine in 1944 and now rests at a depth of about 20m.

Covered in coral and home to diverse marine life, including schools of fish, its shallow depth and clear waters make it ideal for divers of all levels, Bernama reported.

Lee said he has mixed feelings about diving at this wreck, reflecting on the 339 people who went down with it.

The American Wreck, or *USS Salute*, was a US Navy minesweeper that struck a mine and sank in 1945.

Lying at a depth of about 30m, it is one of Labuan's more challenging dive sites due to strong currents and its deeper location.

Experienced divers find it rewarding to explore the wreck's structure and abundant marine life, including moray eels and lionfish.

He said the Cement Wreck, also known as the *MV Tung Huang*, was a cement freighter that sank in 1980, lying at a depth of about 30m and is relatively intact, providing an interesting and accessible dive site.

"The wreck is encrusted with coral and serves as a habitat for a variety of marine life.

"The Cement Wreck is particularly popular with photographers due to the photogenic nature of the site and the abundant marine life.

"During our dives at Cement Wreck, we noticed the Black Corals look healthy and growing."

Lee said the Blue Water Wreck, also known as the *Mabini Padre*, was a Philippine fishing vessel that caught fire and sank in 1981, adding that the wreck lies at a depth of about 35m and is considered one of the most exciting dive sites in Labuan due to the excellent visibility of the water and vibrant marine life.

He also said Labuan dive sites offer incredible experiences, but sustainability and safety challenges need addressing to preserve them, due to the fragility of the shipwrecks.

The structures, while fascinating, deteriorate



Lee said concrete structures could provide stable, durable habitats for marine life and reduce pressure on natural reefs and shipwreck sites. —BERNAMAPIC

over time due to sea water, currents and marine life. This poses risks to divers and threatens the marine ecosystems around the wrecks.

To mitigate this, Lee proposed establishing artificial reefs that can provide stable, durable habitats for marine life, reducing pressure on natural reefs and historic wrecks.

Creating new underwater structures from materials like concrete, metal or specially designed modules can enhance biodiversity and create safe, sustainable dive sites.

Another challenge is the lack of dedicated facilities for diving activities.

Divers, especially those from outside Labuan, may struggle to find suitable locations for launching expeditions or support services, leading to confusion and potentially unsafe practices.

Lee suggests developing dedicated diving facilities, including jetties, dive shops and information centres to support diver needs and enhance their experience.

3.	TAJUK	'KEMUSNAHAN HUTAN DI GUA MUSANG AMAT DAHSYAT'
	SUMBER	BH (8 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	6 (NASIONAL)

'Kemusnahan hutan di Gua Musang amat dahsyat'

Aktivis alam sekitar dakwa pemantauan lebih 10 tahun dapati kegiatan dibuat secara tebang habis

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Hazira Ahmad Zaidi
bnnews@bh.com.my

Kota Bharu: Aktiviti penebangan pokok dan pembersihan hutan di Gua Musang didakwa 'amat dahsyat', menurut aktivis alam sekitar yang turut menyifatkan Kelantan negeri paling teruk di Semenanjung dalam aspek pengurusan hutan.

Rumusan itu hasil pemantauan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) selama lebih 10 tahun di daerah berkenaan dan mendapati kegiatan itu kini dibuat secara tebang habis, sama ada tujuan pembukaan ladang baharu, lombong atau kuari.

Pengerusi KUASA, Hafizudin Nasarudin, mendakwa skala kemusnahan hutan di Gua Musang termasuk di kawasan Nenggiri sebagai sangat teruk.

"Sejak dulu lagi, situasi pem-

bukaan hutan di Gua Musang adalah teruk, tapi dahulu pembalakan dilakukan secara terpilih, sekarang dibuat secara tebang habis, sama ada untuk tujuan pembukaan ladang baharu, lombong atau kuari.

"Kemusnahan hutan di Gua Musang, termasuk Nenggiri amat dahsyat. Jika dilihat di Kuala Betis, beratus lori keluar masuk setiap hari," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmarin, Ketua Pembangkang DUN Kelantan, Mohd Syahbuddin Hashim mendedahkan 54 kelulusan penerokaan hutan membabitkan keluasan lebih 13,000 hektar didakwa dibuat ke-



rajaan negeri sejak 2022 di kawasan Nenggiri.

Sehubungan itu, beliau yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Gua Musang merangkap Timbalan Pengarah Pilihan Raya Kecil (PRK) Barisan Nasional (BN) PRK DUN Nenggiri menun-

tut kerajaan negeri memberi penjelasan berkait isu berkenaan.

Katanya lagi, berdasarkan rekod kemasukan permohonan kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (ELA), 54 kelulusan baharu penerokaan hutan di Gua Musang, kebanyakannya di Nenggiri diberikan atas pelbagai tujuan seperti pembukaan ladang dan pengkayaan hutan serta lombong.

Ancam nyawa penduduk

Sementara itu, Hafizudin yang menyelar keputusan kerajaan negeri, mendakwa kemusnahan hutan di Gua Musang semakin membahayakan dan sudah mengancam keselamatan serta nyawa penduduk.

KUASA sangat kecewa dengan kerajaan negeri yang tidak pernah mendengar desakan NGO. Sudah tentu kami membantah sekeras-kerasnya kelulusan penerokaan hutan yang boleh menimbulkan banyak masalah pada masa akan datang.

Hafizudin Nasarudin, Pengerusi KUASA



cam keselamatan serta nyawa penduduk.

"KUASA sangat kecewa dengan kerajaan negeri yang tidak pernah mendengar desakan NGO. Sudah tentu kami membantah sekeras-kerasnya kelulusan penerokaan hutan yang boleh menimbulkan banyak masalah pada masa akan datang.

"Sudah berapa ramai penduduk mati dibaham harimau, berdepan ancaman gajah disebabkan habitat haiwan itu semakin sempit. Justeru, untuk ribuan kalinya, kami mohon kerajaan negeri tidak lagi luluskan pembalakan secara tebang habis dalam hutan simpan.

"Hanya benarkan pembalakan terpilih kerana banyak kesannya jika dilakukan tebang habis, terutama akan menyebabkan sungai tercemar, tanah runtuh dan banjir lumpur," katanya.

Kelulusan penerokaan diberi ikut prosedur, peraturan

Kota Bharu: Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Dr Mohamed Fadli Hassan menjelaskan kelulusan penerokaan hutan yang diberikan kerajaan negeri adalah mengikut prosedur dan peraturan ditetapkan.

Katanya, syarikat dilantik bagi tujuan itu juga dipilih mengikut prosedur dan tapisan ketat bagi melaksanakan penerokaan hutan yang dilakukan secara berlesen, bukannya diteroka secara haram.

Menurutnya, bukan 54 kelulusan penerokaan hutan diberikan kerajaan negeri seperti dakwaan Ketua Pembangkang DUN Kelantan, Mohd Syahbuddin Hashim kelmarin, sebaliknya hanya 48 dan ia meluas di beberapa ka-

wasan DUN dan bukan di DUN Nenggiri semata-mata.

"Maklumat yang diperoleh daripada Laporan Penilaian Alam Sekitar (ELA) di mana 54 kelulusan penerokaan hutan di DUN Nenggiri tidak betul, sebaliknya hanya 48 kelulusan dan membabitkan beberapa DUN," katanya pada sidang media, semalam.

Jelasnya, semua kelulusan itu adalah kelulusan lama dan kerajaan negeri perlu melalui ELA jika mahu melaksanakan projek pembangunan ladang, menunjukkan tidak mudah sebuah syarikat untuk melaksanakan projek pembangunan kerana perlu melalui prosedur yang betul.

4.	TAJUK	SUNGAI TEMER KERUH, KOTOR AKIBAT AKTIVITI PEMBALAKAN
	SUMBER	BH (8 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

Sungai Temer keruh, kotor akibat aktiviti pembalakan

Gua Musang: Sungai Temer, di sini yang menyediakan sumber makanan, minuman dan pendapatan untuk Orang Asli Pos Pasik menerusi hasil jualan ikan, tercemar sejak sebulan lalu yang didakwa penduduk disebabkan aktiviti pembalakan di kawasan hulu.

Keadaan itu disedari lebih sebulan lalu apabila komuniti di situ yang merangkumi lebih 1,000 penduduk tidak dapat menjala ikan setiap kali hujan kerana air sungai pasti berubah menjadi keruh dan kotor.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Pos Pasik, Jimi Arifin, berkata sungai itu sumber air utama penduduk suku Temiar di petempatan terbabit.

“Sejak Jun lalu, kami berdepan masalah sungai yang keruh dan kotor apabila hujan. Saya difahamkan, ada aktiviti pembalakan di hulu sungai sejak lebih

sebulan lalu, menyebabkan airnya keruh dan kotor apabila hujan.

“Sudah pasti keadaan ini memberi kesan kepada kami di sini, tambahan lagi sungai ini sumber kami mencari ikan untuk pendapatan, ia juga sumber air untuk kegunaan harian.

“Sejak keadaan sungai keruh, kami tidak dapat menggunakan airnya dan kanak-kanak juga terkesan kerana tidak dapat mandi sungai pada waktu petang,” katanya.

Sementara itu, wakil Jaringan Kampung Orang Asli Pos Pasik, Aznan Siam, berkata penduduk khuatir aktiviti pembalakan memberi kesan jangka panjang apabila kawasan yang ditebang ditanam dengan pokok getah dan sawit.

Katanya, aktiviti pertanian secara berskala besar seperti pembukaan ladang getah atau sawit akan menyebabkan air sungai semakin tercemar.



Sungai Temer keruh akibat pembalakan di kawasan ulu sungai di Pos Pasik, Gua Musang.

(Foto ihsan penduduk)

5.	TAJUK	'NYAWA' KAMI DAH TERCEMAR
	SUMBER	HARIAN METRO (8 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	25 (LOKAL)

'NYAWA' KAMI DAH TERCEMAR'

1,000 penduduk Orang Asli Pos Pasik resah Sungai Temer keruh, kotor akibat pembalakan

Oleh Paya Linda Yahya
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Lebih 1,000 penduduk Orang Asli Pos Pasik di sini, resah apabila Sungai Temer yang menjadi sumber pendapatan mereka mencari hasil sungai tercemar akibat aktiviti pembalakan di ulu sungai.

Penduduk mendakwa sungai yang menjadi nyawa mereka bertukar keruh dan kotor terutama setiap kali hujan berlaku.

Akibatnya penduduk di kawasan itu tidak dapat melakukan aktiviti menjala dan menangkap ikan sejak lebih sebulan lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Pos Pasik, Jimi Arifin berkata, sungai berkenaan dianggap penting berikutan turut menjadi sumber bekalan air kepada penduduk Orang Asli kaum Temiar di pos itu.

"Saya difahamkan adanya aktiviti pembalakan ulu sungai ini yang dijalankan sejak lebih sebulan lalu. Aktiviti pembalakan yang sedang berjalan di kawasan berhampiran hulu sungai itu menyebabkan air sungai menjadi keruh dan kotor.

"Keadaan ini amat membimbangkan dan seharusnya tindakan diambil bagi memastikan isu ini tidak berlarutan," katanya.

Sementara itu wakil Jaringan Kampung Orang Asli Pos Pasik, Aznan Siam berkata, aktiviti pembalakan turut memberi kesan

KEADAAN air Sungai Temer bertukar keruh dan kotor setiap kali hujan.



"Aktiviti pembalakan yang sedang berjalan di kawasan berhampiran hulu sungai itu menyebabkan air sungai menjadi keruh dan kotor"

Pengerusi JPKKOA Pos Pasik, Jimi Arifin

jangka panjang apabila kawasan hutan ditebang akan ditanam pokok getah dan pokok kelapa sawit.

Katanya, aktiviti pertanian akan menyebabkan sungai akan semakin tercemar dengan racun atau baja, sekali gus memberi kesan kepada sumber air penduduk.

"Kami berharap ada tindakan lanjut dilakukan pihak berkuasa bagi menyelesaikan masalah pencemaran ini," katanya.

6.	TAJUK	NGO DAKWA LEBIH 100,000 HEKTAR HUTAN DI GUA MUSANG DITEROKA
	SUMBER	BH (9 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

NGO dakwa lebih 100,000 hektar hutan di Gua Musang diteroka

KUASA dedah kebanyakan penerokaan babit pembalakan tebang habis sejak 2006

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) mendakwa lebih 100,000 hektar, termasuk kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di Gua Musang diteroka dalam tempoh 23 tahun sehingga kini dengan kebanyakannya membabitkan pembalakan tebang habis atau 'cuci mangkuk'.

Kawasan hutan itu didakwa diteroka untuk dijadikan ladang, terutama ladang Getah Klon Balak (TLC), Musang King, perlimbongan dan kuari.

Pengerusi KUASA, Hafizudin Nasarudin, berkata jumlah pembukaan hutan itu diperoleh menerusi imbasan gambar daripada satelit Global Forest Watch.

Katanya, satelit itu akan mengesan kehilangan pokok dari kawasan terabit dan jumlah keluasan HSK di Gua Musang sekitar 350,000 hektar.

"Pembalakan tebang habis di Kelantan dikesan semakin rancak sejak 2006 apabila kerajaan memperkenalkan Program Pembangunan Ladang Hutan,

malah kebanyakan kelulusan pembalakan tebang habis membabitkan keluasan yang sangat besar.

"Terdapat dua jenis pembalakan iaitu pembalakan terpilih dan pembalakan tebang habis. Pembalakan tebang habis atau 'cuci mangkuk' ini adalah paling digemari oleh syarikat yang mendapat projek kerana keuntungan diperoleh jauh lebih besar.

"Pembalakan tebang habis mereka akan ambil semua pokok dalam kawasan itu tanpa mengira saiz dan usia serta kesannya sangat berbahaya iaitu risiko berlaku tanah runtuh, kepala air, pencemaran sungai, gangguan habitat haiwan dan sebagainya kerana kawasan mereka sudah licin dimusnahkan," katanya ketika dihubungi.

Hafizudin berkata, berbeza pembalakan terpilih, iaitu pembalakan secara lestari di mana kira-kira 30 peratus daripada hasil hutan diambil dan pokok yang matang serta besar dengan anggaran 40 hingga 60 sentimeter saiz diameter ke atas sahaja yang diambil.

"Pokok kecil pula akan dibiarkan dan penerbangan terpilih ini tidak akan mengganggu habitat haiwan kerana kawasan mereka masih ada dan kebarangkalian untuk berlaku tanah runtuh serta pencemaran air juga adalah rendah.

"Namun, semua ini kerajaan negeri tidak melihat secara terperinci dan akibatnya penduduk terutama Orang Asli yang terpaksa menanggung kesannya sehingga maut dibaham harimau.



Gambar kawasan hutan Pos Blau diambil dari pandangan atas pada Mei lalu.

(Foto Paya Linda Yahya/BH)

Justeru, saya menggesa kerajaan Kelantan menghentikan kelulusan pembukaan hutan membabitkan pembalakan tebang habis, sebaliknya hanya meluluskan untuk pembalakan terpilih," katanya.

Beliau berkata, sekiranya perkara itu dibiarkan, lebih banyak kawasan hutan akan digondol.

"Berdasarkan pemerhatian dan tinjauan KUASA selama 10 tahun bersama Orang Asli di Gua Musang, nama sahaja HSK namun yang sebenarnya sudah menjadi ladang, lombong dan kuari," katanya.

Hafizudin juga mahu calon yang menang pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri 17 Ogos nanti memperjuangkan isu ke-

musnahan hutan di kawasan itu.

"Jika isu ini tidak diperjuangkan dan diberi keutamaan, lebih banyak tanah akan dibuka yang akhirnya menjejaskan kehidupan penduduk terutama Orang Asli.

"Sabun tahun pembukaan tanah diluluskan kerajaan negeri dan dalam tempoh tiga tahun kalau kita lihat, 48 projek diluluskan membabitkan keluasan 13,000 hektar," katanya.

Minta sertakan bukti

Sementara itu, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan ketika dihubungi meminta mana-mana dakwaan dibuat oleh pihak tertentu disertakan dengan bukti

supaya memudahkan pihaknya mengambil tindakan jika penerokaan itu dibuat secara haram.

"Sekiranya kelulusan penerokaan tanah itu dibuat secara berlesen, sudah tentu mereka sudah melalui tapisan, proses yang rapi dan melepasi syarat ditetapkan oleh kerajaan negeri dan Pusat.

"Perlu faham ada penerokaan tanah dilakukan itu mungkin untuk aktiviti ekonomi dan pembangunan, sudah tentu rakyat juga akan mendapat manfaat dan ia turut digalakkan oleh kerajaan. Apapun saya akan mengeluarkan kenyataan lengkap berhubung perkara ini dalam masa terdekat, menerusi kenyataan itu saya akan sertakan sekali data-data yang berkaitan," katanya.

7.	TAJUK	KILANG SAMPAH ELEKTRONIK OPERASI SECARA HARAM DISIASAT
	SUMBER	BH (8 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	15 (RENCANA)

Kilang sampah elektronik operasi secara haram disiasat

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyiasat semua kilang sampah elektronik yang beroperasi secara haram di seluruh negara.

Ia akan dilaksanakan oleh Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) secara berperingkat bagi mengenal pasti mereka yang menjalankan aktiviti ini tanpa kebenaran.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata kewujudan kilang haram yang melupuskan barangan elektronik secara tidak sah hingga

menyebabkan pencemaran bau dan bunyi serta mengganggu masyarakat setempat diberi perhatian serius.

“Pasukan AMLA PDRM diketuai Datuk Muhammed Hasbullah Ali mengambil tindakan secara berperingkat di seluruh negara merangkumi sitaan, rampasan dan penahanan individu untuk siasatan lanjut,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, tindakan menyeluruh polis merangkumi mengenal pasti modus operandi, rangkaian, pemilik premis dan mereka yang bersekongkol de-

ngan kegiatan haram berkenaan.

Sebelum ini, terbongkar kegiatan memproses dan melebur sampah elektronik atau e-waste oleh sebuah kilang kitar semula barang terpakai haram di Segamat, Johor.

Kilang yang melebur sampah e-waste itu beroperasi tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan dan tanpa lesen sah daripada Jabatan Alam Sekitar.

Serbuan dibuat selepas pendudukan setempat mendakwa berdepan pencemaran bau pada waktu malam akibat proses peleburan sisa e-waste.

Pasukan AMLA PDRM diketuai Datuk Muhammed Hasbullah Ali mengambil tindakan secara berperingkat di seluruh negara merangkumi sitaan, rampasan dan penahanan individu untuk siasatan lanjut



Razarudin Husain,
Ketua Polis Negara

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor